

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

Y.B Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta PERDANA MENTERI menyatakan prestasi terkini ekonomi Malaysia memandangkan timbulnya pelbagai spekulasi dan persepsi negatif dalam kalangan rakyat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Malaysia kini bukanlah berada dalam keadaan krisis seperti mana spekulasi dan persepsi negatif yang timbul di kalangan rakyat. Ekonomi Malaysia masih mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.3% bagi separuh pertama 2015. Semua sektor utama negara mencatatkan pertumbuhan positif di mana sektor perkhidmatan (5.7%) dan pembuatan (4.9%) serta kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara. Sementara itu, perbelanjaan penggunaan akhir swasta (7.6%) terus menjadi pemacu utama dari segi perbelanjaan. Eksport pada bulan Ogos 2015 meningkat sebanyak 4.1% kepada RM66.5 bilion, iaitu peningkatan 3 bulan berturut-turut.

Pada masa ini, asas ekonomi negara lebih kukuh berbanding dengan semasa krisis kewangan Asia pada 1997/1998. Antara lain, negara telah pun mempelbagaikan asas struktur ekonomi di mana kita tidak terlalu bergantung kepada mana-mana subsektor komoditi dan rakan dagang.

Kedudukan persekitaran ekonomi domestik kita juga stabil. Sebagai contoh, inflasi negara kita terkawal pada kadar kurang daripada 3% sejak lima tahun yang lepas dan dijangka terus rendah berikutan jatuhnya harga minyak mentah dan juga harga komoditi dunia. Kita juga menikmati kadar guna tenaga penuh semenjak 20 tahun yang lalu di mana kadar pengangguran kini adalah rendah sekitar 3%.

Saiz kedudukan imbalan pembayaran kita masih kekal berdaya tahan, di mana baki akaun semasa negara telah pun meningkat kepada RM47.3 bilion pada tahun 2014 atau 4.4% daripada pendapatan negara kasar. Bagi 2015, baki akaun semasa imbalan pembayaran negara dijangka terus kekal positif.

Sistem kewangan dan perbankan negara kita terus kukuh, di mana sistem perbankan kita mempunyai nisbah jumlah modal yang melebihi paras pengawalseliaan minimum, kadar kecairan yang masih menyokong aktiviti ekonomi dan jumlah pinjaman tidak berbayar yang rendah. Oleh itu sistem kewangan kita dan perbankan negara mampu menghadapi ketidaktentuan ekonomi.

Sekian, terima kasih.